

Kerajaan sedia kurangkan cukai korporat

UM 11 JUN 2003

PUTRAJAYA 10 Jun — Kerajaan sedia mengurangkan kadar cukai korporat yang kini 28 peratus dalam Bajet 2004 sekiranya langkah itu tidak menjejaskan pendapatan negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tidak mampu untuk terus menurunkan kadar cukai dan pada masa yang sama mempertingkatkan perbelanjaan.

Namun begitu, katanya, jika kadar cukai dikurangkan dan pendapatan dapat ditingkatkan maka kerajaan sedia menimbangkan.

“Terdapat cadangan cukai korporat diturunkan, tetapi kita akan kaji sama ada ia akan memberikan lebih kepada pendapatan,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Sesi Keempat Dialog Bajet 2004 di sini hari ini.

Kita tidak boleh berbelanja lebih sedangkan pendapatan kurang, tetapi ada keadaan di mana walaupun ada potongan cukai namun kita dapat kutip lebih pendapatan,” tegasnya.

Mengenai kutipan cukai terutama terhadap peniaga-peniaga kecil Perdana Menteri berkata, pegawai yang terbabit telah menjalankan tugas mereka.

Katanya, ia terbukti apabila untuk tempoh tiga tahun lalu kutipan cukai di negara ini telah meningkat dengan mendadak iaitu sebanyak RM40 bilion setahun.

Namun katanya, ada peniaga yang tidak membayar cukai tetapi ia tidak bermakna pegawai terbabit tidak menjalankan tugas mereka.

Mengenai rizab negara, beliau berkata. Bank

Negara telah menguruskan dengan baik dan ia kini mencecah RM136 bilion (AS\$36 bilion).

Ketika ditanya mengenai kedudukan pemimpin prodemokrasi Myanmar, Aung San Suu Kyi, Dr. Mahathir berkata: “Kita sudah menjelaskan pendirian kita, iaitu mahu melihat Suu Kyi dibebaskan.”

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak tahu sama ada soal tekanan boleh dikenakan ke atas negara itu.

“Mengenai tekanan kita tidak tahu sama ada boleh dikenakan sekatan atau tidak,” katanya ketika diminta mengulas keengganan pemimpin tertinggi junta tentera Myanmar membebaskan Suu Kyi walaupun selepas berunding dengan Utusan Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail.